

23 MAY 1996

KADAR SES BAGI INDUSTRI MINYAK SAWIT JUN INI

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Kementerian Perusahaan Utama menjangka dapat menyelesaikan kadar baru ses yang dipungut daripada industri minyak sawit bagi membiayai kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) menjelang bulan depan.

Menterinya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata bahawa PORIM memerlukan dana yang lebih untuk memperluaskan bidang R&D mengenai pengeluaran minyak sawit kepada R&D mengenai penggunaan pula, terutamanya dalam bidang oleokimia.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan seminar mengenai pemindahan teknologi PORIM 1996 di Puchong, dekat sini.

R&D minyak sawit seperti minyak masak dan marjerin sudah cukup maju tetapi di bidang oleokimia dan penggunaan minyak sawit dalam industri masih belum diterokai sepenuhnya, kata beliau.

Oleh yang demikian, kadar ses perlu dinaikkan bagi menampung keperluan dana yang semakin meningkat untuk memperluaskan kegiatan R&D PORIM untuk mencari keluaran baru berasaskan minyak sawit, katanya.

Kadar ses semasa sebanyak RM5 satu tan minyak sawit mentah tidak berubah sejak 10 tahun lalu, tambahnya.

Dr Lim berkata lembaga PORIM yang terdiri sebahagian besarnya daripada pengeluar minyak sawit bersetuju untuk menaikkan kadar ses sebanyak RM1 dan bukannya RM3 seperti yang beliau telah cadangkan sebelumnya.

Beliau menyatakan bahawa R&D ke atas penggunaan minyak sawit adalah sama pentingnya dengan R&D mengenai pengeluaran.

Bagaimanapun, lembaga PORIM dikuasai oleh pengeluar minyak sawit, maka terdapat kecenderungan bagi mereka mempengaruhi PORIM untuk berbuat yang lebih untuk R&D ke atas pengeluaran, katanya.

"Semasa saya menyertai kementerian ini, ketika itu harga minyak sawit hanya berada pada kira-kira RM440 satu tan dan mereka sanggup membayar RM5 untuk ses. Tetapi sejak empat tahun kebelakangan, harga minyak sawit tidak pernah jatuh ke bawah RM1,200 satu tan dan mereka hanya sanggup menambahnya sebanyak RM1 ...saya tidak puas hati dengan kenaikan RM1 ini," tambahnya.

Bagaimanapun, katanya kenaikan kadar ses itu tidak akan melebihi RM3 dan ia akan diwartakan dan dilaksanakan apabila diumumkan kelak.

PORIM telahpun melaksanakan R&D-nya mengenai oleokimia lanjutan sejak September tahun lalu, katanya.

Sebuah pusat bagi tujuan ini, dikenali sebagai Pusat Teknologi Oleokimia Lanjutan di kawasan perindustrian Selama, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Ogos ini, tambah beliau.

Di seminar tersebut, Dr Lim juga menyaksikan pemeeteraian Memorandum Persefahaman antara PORIM dan lima buah syarikat untuk memindahkan reka cipta baru institut itu mengenai bahan penanaman kelapa sawit, dipanggil PORIM Siri 3 yang mempunyai kandungan isirong yang banyak dan boleh meningkatkan pengeluaran minyak isirong.

Kelima-lima syarikat terbabit ialah EPA Management Sdn Bhd, Sabah Land Development Board, Pamol Plantation Bhd, Sime Darby Plantations dan IOI Corporation Bhd. -- BERNAMA

MK MA SIA